

08/02/2003

Spekulasi pilihan raya tetap bergema

WALAUPUN Perdana Menteri sudah menyatakan pilihan raya umum tidak akan diadakan sebelum Oktober ini, ia tetap tidak dapat meredakan spekulasi. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menolak kemungkinan itu, berkata masa sebelum beliau bersara itu adalah terlalu suntuk bukan saja bagi merombak Kabinet malah menganjurkan pilihan raya ke-11. Kalangan yang tidak yakin dengan kenyataan itu terutama Pas beranggapan ia adalah perangkap bagi melalaikannya. Oleh itu ia terus giat membuat persiapan. Pokoknya terpulang kepada Pas untuk membuat persediaan itu. Ia membuat andaian itu berikutan Barisan Nasional khususnya Umno menimbulkan pelbagai isu mendedahkan kelemahan dan penyelewengan Pas di Kelantan dan Terengganu.

Tidak syak lagi dalam menentukan tarikh pilihan raya, keadaan tidak menentu berikutan persiapan dibuat Amerika Syarikat bagi menyerang Iraq, diambil kira oleh kerajaan. Ini kerana jika peperangan meletus atau krisis nuklear Korea Utara semakin meruncing, ekonomi dunia tentunya akan terjejas dan akan membabitkan pertumbuhan negara juga. Kestabilan yang terganggu itu memerlukan masa untuk dipulihkan. Bagaimanapun, tidak kira dalam keadaan apa sekalipun, semua parti baik BN dengan komponennya terutama Umno begitu juga Pas dan pembangkang lain tentunya akan terus bersiap untuk menghadapi pilihan raya pada bila-bila masa.